

Headline	Mendaki sambil beramal		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V9	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	400 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 13,542
Frequency	Daily	PR Value	RM 40,627



# Mendaki sambil beramal

**Semenyih:** Sumbangan berjumlah RM75,000 untuk masyarakat Syria berjaya dikumpulkan menerusi program Mendaki Untuk Syria di Bukit Broga, di sini, baru-baru ini.

Kutipan dana bagi mem-

beli bekalan ubat-ubatan untuk penduduk negara yang menghadapi konflik perang saudara itu hasil sumbangan 1,200 pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) yang menyertai pendakian berkenaan.

Peserta memulakan pendakian secara berperingkat mulai jam 7.30 pagi dan selesai sepenuhnya pada jam 11 pagi.

#### Pendaki IPT

Acara diteruskan dengan bacaan ayat suci al-Quran, perkongsian pengalaman

**Penuntut UIAM** yang berasal dari Syria berkongsi kisah menyayat hati akibat konflik perang saudara di negaranya.

pelajar dari Syria, flashmob oleh pelajar politeknik dan sesi bergambar.

Penggiat sukan mendaki daripada Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute (UniKL MFI), Universiti Malaysia Kelantan, Universiti Teknologi MARA dan Politeknik Shah Alam antara yang memberi sambutan memberangsangkan kepada program berkenaan.

Program bertema 'Satu Ummah Kita Peduli' itu dianjurkan kelab mendaki, Late-Packer's dengan kerjasama Mercy Malaysia.

**Persembahan Flashmob** penuntut Politeknik Shah Alam.

**Aksi pendaki** Malaysia France Extreme Club (MaFEC UniKL) di puncak Bukit Broga.

